

IMBUHAN (KATA TERBITAN)

KETERANGAN:

- Imbuhan terbahagi kepada imbuhan awalan, akhiran dan apitan.
- Imbuhan awalan diberikan kepada kata dasar di awal kata. Imbuhan akhiran pula diberikan kepada akhir kata dasar. Sementara imbuhan apitan berada di awal dan di akhir kata dasar.
- Contoh imbuhan awalan ialah :
 - a. pe-, per-, pen-, peng-, penge-
 - b. ter-, ber-, be-
 - c. me-, mem-, men-, meng-, menge-
 - d. di-, ke-, se-
- Contoh imbuhan akhiran ialah; -an, -i, -kan
- Contoh imbuhan apitan ; di ... an, per ... kan, mem ... i

di ... kan, me ... kan, di ... i

Latihan Kata Nama Terbitan

Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang terdapat di dalam petikan:

Kerajaan tidak akan melayan sebarang rayuan bagi melonggarkan pengharaman pembakaran mercun dalam semua perayaan di negara ini. Tindakan tegas kerajaan itu dibuat selepas mengambil kira kesan buruk dan kemusnahan harta benda akibat pembakaran mercun. Kerajaan telah membuat kajian terperinci dan mengambil kira persetujuan majoriti masyarakat Cina terhadap perkara itu sebelum membuat keputusan berkenaan.

Senaraikan kata nama terbitan dalam petikan di atas. Sila senaraikan mengikut turutan ayat. Dua kata nama terbitan yang pertama telah disenaraikan untuk anda sebagai contoh: (Kata nama yang telah digunakan tidak boleh dipilih lagi).

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____

LATIHAN: IMBUHAN

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Ramai penyokong pasukan Kelantan sedang _____ di kaunter tiket.
A berpindah C berpusing
B beratur D berkhemah
2. Kegiatan _____ kancil haruslah dibanteras segera untuk pemuliharaan spesies.
A membaham C memburu
B membawa D membaling
3. Kita tidak boleh _____ semasa berada di tempat perhimpunan rasmi sekolah.
A berjalan C bercakap
B berdiam D bersabar
4. Kedai kraf tangan itu _____ barang-barang tradisional masyarakat Melayu.
A membuka C membawa
B mempamerkan D membantah
5. Anggota polis itu _____ dengan pistol.
A bersenjata C disenjatakan
B bersenjatakan D tersenjata
6. Mereka hanya _____ antara satu sama lain kerana pertuturnya tidak _____.
A Berpandang ... difahamkan C berpandangan ... difahami
B Terpandang ... difaham D terpandangkan ... berfahaman
7. Peniaga itu _____ beberapa ikat petai untuk dijual di pasar malam.
A mempamer C membawa
B memburu D membentuk
8. Kita perlu _____ untuk mencapai kemenangan dalam perlawanan itu.
A Berdua C bersatu
B Bergaduh D berdiam
9. Abang sedang _____ lemang di belakang rumah bersama datuk.
A meratah C membasuh
B membakar D membaling
10. Adik saya yang kecil itu masih belum boleh _____.
A berjalan C berdiam
B berbaris D berkawan
11. Seekor ular sawa telah _____ ayam di belakang rumah.

- A menggigit C mengunyah
B membaham D menjilat

12. Nafis baru _____ berpindah ke rumah baharu seminggu yang lalu.

- A beransur C berpindah
B bertolak D beralih

13. Rosli menyemai anak benih yang baru _____ itu dalam beg semaian.

- A beranak C bertunas
B bertaut D berputik

14. Aiman selalu _____ agar dirinya sentiasa dilindungi Tuhan.

- A bertasbih C bertafakur
B berdoa D berhajat

15. Keindahan landskap kawasan rumah itu _____ pandangan setiap orang yang melalui kawasan itu.

- A memulau C menarik
B memukau D membuta

16. Bayi yang berusia sembilan bulan itu sudah mula belajar _____.

- A berlari C berjalan
B bergaduh D berdalah

17. Hang Tuah telah diutuskan oleh Sultan Mahmud Shah untuk _____ Puteri Gunung Ledang.

- A menimang C meminang
B mencolek D membunuh

18. Beberapa orang _____ telah mencipta sejarah apabila berjaya menjakkan kaki ke bulan.

- A jutawan C angkasawan
B seniman D budayawan

19. Filem lakonan _____ itu diminati oleh setiap lapisan masyarakat.

- A budiman C peragawan
B karyawan D seniman

20. Kami sekeluarga _____ bas ekspres ke Kuala Lumpur.

- A menuruni C menduduki
B menaiki D menyusuri